



PARA peserta di Puncak Gunung Kinabalu.

## Ekspedisi tawan puncak Kinabalu PPIB bina kerja berpasukan

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

UB 20.07.2012 B3

KOTA KINABALU: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah(UMS) mempromosikan budaya hidup sihat di kalangan kakitangannya agar lebih berdedikasi dan mengamalkan budaya kerja berpasukan dalam perkhidmatan.

Untuk mencapai matlamat itu, seramai 23 ahli Kelab Unit Sukan dan Rekreasi PPIB telah mengadakan ekspedisi menawan puncak Kinabalu pada 11-12 Julai lalu.

“ Mendaki Gunung Kinabalu semestinya memberi pengalaman menarik dan berharga kepada kalangan peserta dan harapan kami pengalaman itu dapat memangkin produktiviti perkhidmatan kami,” kata penyelaras ekspedisi, Nelson Justin.

Beliau menjelaskan ekspedisi itu juga bertujuan mempromosi budaya hidup sihat serta menghargai usaha kerajaan melestarikan Tapak Warisan Dunia bagi memantapkan lagi budaya kerja di tahap yang tinggi

melalui amalan ‘Team Building’.

Turut serta Pengurus Unit Sukan dan Rekreasi PPIB, Yusten Karulus. Ekspedisi bermula jam 2.30 pagi pada 12 Julai dan keseluruhan peserta berjaya menjekakkan kaki di puncak Kinabalu pada jam 5.45 pagi.

Atas segala perjalanan yang mencabar dan selamat, penyelenggara ekspedisi merakamkan penghargaan kepada Taman-Taman Sabah atas bimbingan dan panduan yang diberikan sepanjang ekspedisi berlangsung.